



Pengumuman untuk pelarian dan pemohon suaka tentang aktiviti *Mobile Registration* oleh UNHCR

UNHCR sedang menjalankan aktiviti *Mobile Registration* untuk pemohon suaka yang belum berdaftar di Malaysia

- ❖ Aktiviti ini akan dijalankan secara berperingkat, di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia, dan akan dilaksanakan dari tarikh 2 September 2013 hingga ke akhir tahun/awal tahun 2014.
- ❖ Aktiviti ini bertujuan untuk memastikan bahawa komuniti pemohon suaka belum berdaftar mendapat perlindungan antarabangsa.
- ❖ Pendaftaran hanya dibuka kepada pemohon suaka yang belum berdaftar, dan yang kini berada di Malaysia, dan nama mereka telah pun dikumpul oleh UNHCR.
- ❖ Nama yang telah dikumpul dalam senarai kami ini telah pun dihubungi oleh pegawai UNHCR, dan mereka telah diberikan Kod serta maklumat lanjut tentang aktiviti ini seperti tarikh dan tempat pendaftaran.
- ❖ Jika anda diberikan Kod tetapi ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang tempat pendaftaran, sila hubungi *Mobile Registration Hotline* di 0126534791 atau 0126534826, talian dibuka setiap hari dari jam 8 pagi-10 malam.
- ❖ Pendaftaran hanya dibuka kepada golongan pemohon suaka yang telah menerima Kod daripada UNHCR. Pemohon suaka yang hadir ke lokasi pendaftaran tanpa Kod, tidak akan didaftar dan akan dinasihatkan untuk menunggu aktiviti pendaftaran yang seterusnya.
- ❖ Sila ambil perhatian bahawa semua khidmat UNHCR diberikan secara percuma.

Untuk keterangan lanjut tentang tarikh dan lokasi *Mobile Registration*, sila hubungi *Mobile Registration Hotline*: 0126534791 atau 0126534826. (8 pagi – 10 malam setiap hari)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang aktiviti *Mobile Registration*, hubungi *UNHCR Community Development Unit* di 03 2118 4800.